



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL. 9 /2019  
25 SEPTEMBER 2019 (25 MUHARRAM 1441H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

- 1.** Syukur kepada Yang Maha Esa kerana dengan izin dan limpah-Nya kita semua dapat bersua dan berkumpul lagi dalam Mesyuarat Majlis pada edisi kali ini. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ahli-ahli Majlis, Ketua-ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan seluruh kakitangan dan masyarakat kerana telah banyak memberi sokongan, sumbangan idea, pendapat yang bernes dan penyertaan dalam semua aktiviti-aktiviti program yang dianjurkan Majlis. Program kemasyarakatan merupakan aktiviti yang akan merapatkan lagi ikatan silaturrahim antara Majlis dan masyarakat. Semoga kerjasama dan kolaborasi yang berterusan ini, dapat meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan Majlis kepada penduduk dan mendatangkan hasil yang berimpak tinggi dan memberi manfaat kepada masyarakat Petaling Jaya.
  
- 2. RANGKA KERJA BANDAR PINTAR MALAYSIA**

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia akan menjadi panduan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membangunkan bandar masing-masing ke arah menjadi Malaysia sebagai wilayah pintar.

Panduan ini juga akan menyaksikan semua pihak berkepentingan iaitu kerajaan dan swasta akan bekerjasama dalam merealisasikan matlamat berkenaan dan bukan lagi bekerja secara berasingan.

Selain memastikan pihak berkepentingan seiring dalam menawarkan perkhidmatan, dengan adanya garis panduan ini, PBT boleh mengambil inisiatif dan langkah kerja yang lebih progresif dalam meningkatkan komunikasi dan kecekapan infrastruktur bagi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat.

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia mempunyai tujuh kandungan rangka kerja iaitu **Cabaran Bandar Utama, Dasar, Strategi, Penyusunan Tadbir Urus Inisiatif, Contoh Antarabangsa, Projek Perintis** dan **Penunjuk**.

Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia ini dilihat selari dengan pembangunan projek ‘Smart PJ’ yang berteraskan kepada matlamat untuk menjadikan Petaling Jaya sebagai sebuah bandar raya pintar dengan aplikasi teknologi digital menjelang tahun 2030.

‘Smart PJ’ merupakan penyelesaian menyeluruh (*total solution*) sistem pengurusan bandar bersepadu dengan penggunaan meluas dan inovatif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) belatar belakangkan data spatial untuk merancang dan berkongsi sumber bagi pembangunan ekonomi, alam sekitar dan sosial ke arah kehidupan lebih berkualiti dan mampan. Projek ‘Smart PJ’ akan ditunjangi 3 tema utama iaitu ‘**selamat**’ (*safe*), ‘**bersih**’ (*clean*) dan ‘**bahagia**’ (*happy*).

Pembinaan sebuah bangunan pusat kawalan ‘PJ Smart Centre’, berfungsi untuk menghubung, mengawasi dan mengawal aktiviti perbandaran berteraskan kepada 3 tema utama ‘Smart PJ’. 3 ‘*Mini Smart Centre*’ telah dibina melalui kerja ubahsuai di Jabatan Perancangan Pembangunan, Jabatan Penguatkuasaan dan Seksyen Aduan, Unit Komunikasi Korporat. Sistem aplikasi secara dashboard telah dibangunkan yang keseluruhannya berjumlah 7 dashboard iaitu ***planning dashboard, transportation dashboard, safe city dashboard, planning control dashboard, pjeye, pkpj e-submission & monitoring dashboard*** dan ***i-map aduan dashboard***.

‘PJ Smart Centre’ ini adalah sebagai perlambangan dan pengurusan kepada integrasi data-data Majlis dengan penyediaan platform penyimpanan dan pemprosesan data bersepadu. Ia akan menjadi ‘*integrated city manager*’ melalui perkhidmatan (*service*) dan peranti (*device*) secara *online*. ‘PJ Smart Centre’ juga berfungsi untuk mengawal dan memantau bandar raya Petaling Jaya dalam aspek perancangan guna tanah, pengurusan lalulintas dan keselamatan serta pengurusan aduan yang turut dilengkapi dengan infrastruktur ICT dan CCTV.

3 ‘*Mini Smart Centre*’ disediakan sebagai ruang kerja utama untuk memasuk dan mengemaskini maklumat secara *real-time* untuk dihubungkan ke ‘PJ Smart Centre’. Ia juga berfungsi sebagai sumber pautan maklumat bagi ‘PJ Smart Centre’ dan pusat tindakan untuk melaksanakan arahan.

### **3. PENCEGAHAN KESELAMATAN MUSIM JEREBU**

Jerebu ialah satu fenomena yang disebabkan oleh kewujudan banyak partikel-partikel kecil yang terapung-apung di ruang udara. Indeks Pencemaran Udara (IPU) diperolehi daripada pengukuran habuk atau partikel yang halus dan beberapa jenis gas yang boleh menjelaskan kesihatan iaitu karbon monoksida, sulfur dioksida, nitrogen dioksida dan ozon. Isu jerebu di Asia Tenggara bukan kali pertama, malah berulang-ulang hampir setiap tahun.

Keadaan jerebu yang melanda negara kita, termasuk di kawasan Petaling Jaya ini disebabkan oleh pelbagai faktor antara lain termasuk **perubahan musim** iaitu pegerakan angin dari Barat Daya ataupun lebih dikenali sebagai monsun Barat Daya yang sedang berlaku, **cuaca kering** dan **pembakaran tanah terbuka**. Selain daripada itu, punca-punca seperti asap daripada kilang dan kenderaan juga merupakan penyumbang kepada pencemaran udara yang tinggi.

Dalam usaha mengatasi masalah jerebu yang kini berlaku hampir setiap tahun, langkah-langkah awal dalam mengawal dan mengelakkan pembakaran terbuka amat diperlukan. **Pemantauan dan aktiviti penguatkuasaan di sekitar Petaling Jaya telah dijalankan bagi megawasi pembakaran terbuka dan pencemaran udara daripada kilang.**

Orang awam dinasihatkan supaya tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka. **Pencemaran alam sekitar memberikan kesan negatif dan memudaratkan kesihatan secara langsung.** Oleh itu, tindakan yang tegas akan diambil terhadap aktiviti pembakaran terbuka. Aduan berkaitan pencemaran alam sekitar boleh disalurkan kepada Majlis.

Majlis melalui Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekutaran telah membuat edaran topeng N95 kepada kakitangan sebagai langkah pencegahan semasa menjalankan tugas di luar pejabat dan di lapangan. Penunggang motosikal juga diingatkan untuk sentiasa memakai topeng N95.

#### **4. MEMBUDAYAKAN AGENDA PENYELENGGARAAN**

Budaya menyelenggara yang baik dan sistematik adalah amat penting bagi memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat, di samping mampu menyumbang kepada penggunaan kos yang efisien. Tahap penyelenggaraan yang rendah akan menyebabkan berlakunya kerosakan, kebocoran, keruntuhan dan keretakan infrastruktur dan fasiliti yang boleh mengancam nyawa. Ia sekaligus boleh menjelaskan kepercayaan rakyat khususnya pembayar cukai Majlis.

Perkhidmatan asas seperti perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam khususnya pembersihan longkang dan pemotongan rumput antara lain wajar diberi keutamaan sebagaimana yang diharapkan oleh masyarakat Petaling Jaya. Sehubungan itu, pelaksanaan kerja oleh kontraktor yang telah dilantik akan dipantau dengan teliti dan serius.

Majlis juga akan memberikan penumpuan terhadap penyediaan dan penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam yang berkualiti, penjagaan alam sekitar, pembersihan kawasan, penyelenggaraan landskap dan pengindahan bandar serta pelaksanaan koridor hijau.

Kemampuan Majlis bukan hanya dilihat kepada kemampuan menyediakan prasarana, akan tetapi kemampuan untuk menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan secara berkala dan efisyen. Ia bertujuan untuk memastikan penduduk menikmati kemudahan yang

selesa dan selamat daripada kecederaan atau kemalangan semasa menggunakan infrastruktur yang disediakan.

Majlis juga akan sentiasa berusaha memastikan kontraktor yang dilantik, melaksanakan tugas-tugas penyelenggaraan dengan beretika, berkualiti dan sempurna. Diharapkan dengan meningkatnya budaya menyelenggara, Majlis akan berjaya mencapai matlamat menyediakan kemudahan awam yang baik, persekitaran yang kondusif dan selesa serta bersih.

## **5. EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) : MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA DI NOBAT CEMERLANG**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya layak mendapat pensijilan EKSA dengan **Kategori Cemerlang** selepas di nilai oleh pasukan penilai EKSA ketika menjalani pengauditan pensijilan EKSA di Majlis pada 1 hingga 4 Julai yang lalu.

Laporan pengauditan pensijilan ini juga telah dikemukakan kepada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertujuan untuk pengesahan dan dihantar kepada pihak MAMPU untuk diperakukan.

EKSA adalah singkatan kepada **Ekosistem Kondusif Sektor Awam**. Ia diterajui dan diselaras oleh **MAMPU** dan merupakan penjenamaan semula bagi Pelaksanaan Amalan 5S Sektor Awam. Ianya bertujuan bagi meningkatkan budaya kecemerlangan organisasi yang lebih berimej korporat serta menzahirkan idea dan aktiviti yang lebih kreatif, berwajah baru dan berinovasi.

Pelaksanaan EKSA juga dilihat meningkatkan imej Majlis dan meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan dan maklumat kepada pelanggan bertepatan dengan misi Majlis dalam

menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti demi kesejahteraan Petaling Jaya.

## **6. ANUGERAH KHAS PROJEK INOVASI HIBRID 2019 MILIK MAJLIS**

Sabtu tahun, Kerajaan Negeri Selangor akan menganjurkan Majlis Persada Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor bagi menggalakkan kakitangan sektor awam untuk menyumbang idea-idea yang kreatif.

Melalui penglibatan ini, ia secara langsung membuka peluang seluas-luasnya kepada para peserta yang terlibat dari pelbagai peringkat jabatan/agensi untuk mempersemprehankan cetusan-cetusan idea yang baru kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam (delivery system) ke tahap membanggakan.

Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor yang dahulunya dikenali sebagai Konvensyen KIK Perkhidmatan Awam ini juga dilihat banyak membantu, menyumbang idea-idea serta menjana apa-apa yang ada disekeliling untuk dijadikan makanisme perubahan. Kreativiti dan inovasi menjadi objektif utama untuk menghasilkan produk-produk yang akan membantu menambah hasil-hasil baru. Ia juga dilihat selari dengan harapan Kerajaan untuk menjadikan penjawat awam mempunyai daya kreativiti dan inovasi kerja yang lebih sistematik dan efisyen.

Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada **Kumpulan Generasi Petaling Jaya (GenPJ)** dari **Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan** yang telah muncul juara bagi **Kategori Inovasi Sosial Penambahbaikan** dan memenangi **Anugerah Khas Projek Inovasi Hibrid terbaik** di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Tahun 2019. Kejayaan ini juga melayakkan Kumpulan Generasi Petaling Jaya (GenPJ)

mewakili Negeri Selangor untuk pertandingan inovasi peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Semoga dengan anugerah yang diterima ini menjadi pemangkin semangat kepada kumpulan-kumpulan yang lain agar dapat berterusan membudayakan kerja secara inovasi dan kreatif dan dapat menyumbangkan idea-idea yang kritis dan bernalas kepada Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

## **7. OPERASI PENGUATKUASAAN BERSEPADU**

Majlis telah melaksanakan operasi penguatkuasaan bersepadu bersama Jabatan Imigresen Negeri Selangor pada 18 September 2019 bertujuan mengambil tindakan ke atas aktiviti-aktiviti perniagaan yang dipelopori oleh warga asing.

Proses semakan yang dilaksanakan merangkumi aktiviti pusat mencuci dan mengilat kenderaan, tempat letak kereta persendirian, pasar-pasar malam dan gerai majlis. Hasil serbuan, sebanyak **45 pemeriksaan telah dilaksanakan**.

Daripada jumlah tersebut, seramai 16 individu telah di tahan untuk siasatan selanjutnya Jabatan Imigresen. Operasi-operasi bersepadu ini akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran syarat lesen ke atas semua aktiviti perniagaan.

**Sekian, terima kasih.**